

**PANDUAN MEMAINKAN MUZIK IRINGAN
TARIAN TRADISIONAL ACEH TARIAN *RANUP LAM PUAN***

SAMSURI

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI
BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2014**

ABSTRAK

Laporan projek pembinaan “Modul Panduan Muzik Iringan Tari *Ranup Lam Puan*” ini disediakan untuk memenuhi keperluan kursus SPM 6006 dalam program Sarjana Pendidikan Muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penghasilan produk ini adalah bertujuan untuk membantu dan menyediakan bahan pengajaran kepada guru muzik dan juga pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Atas (SMA) dalam pembelajaran seni tradisional daerah tempatan. Dengan adanya buku panduan ini diharapkan guru muzik dan juga pelajar muzik tidak lagi mengalami masalah dalam pembelajaran muzik iringan tari *Ranup Lam Puan* dan mempersembahkan secara langsung (*live*). Selain itu produk ini akan dapat membantu dalam mengekalkan warisan budaya agar tidak hilang ditelan zaman. Bagi melengkapkan maklumat, penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, dan rakaman video. Temu bual dilakukan kepada 3 (tiga) orang responden yang terdiri daripada 2 (dua) orang pemuzik tradisional Aceh dan 1 (satu) orang tenaga pengajar muzik di Universiti. Penyelidikan ini adalah penyelidikan pertama yang julung kali dilakukan. Oleh itu, masih banyak kekurangan dan kelemahan yang masih perlu diperbaiki dan penyelidikan yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi menyempurnaan kajian ini.

ABSTRACT

The report development projects of "Music Guide of *Ranup Lam Puan* Dance Module" was prepared to fulfill the course requirements in the SPM 6006 of Music Education programme at University Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The result of this product is intended to assist and provide teaching materials to teachers and music students in the High School (SMA) in learning the traditional art in the local area. With this module, teachers and students are expected no longer experiencing obstacles in learning the accompaniment of music and *Ranup Lam Puan* dance and can present directly (live). Additionally, this module also will help in maintaining the cultural heritage that is stalling. To get the information, this research was done by using the interview, observation, and documentation as method. Interview was conducted on three respondents, two of the respondents are from traditional Acehnese musician and the another is music teacher in one of University in Aceh. Because of this current research is the beginning, there are still many lack and weaknesses, therefore the following research will be need to conduct to enhance this study completion.



KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Perakuan	ii
Declaration	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
BAB 1 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Projek	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Projek	6
1.5 Kepentingan Projek	8
1.6 Batasan Projek	9
1.7 Definisi Istilah	10
1.8 Rumusan	14

BAB 2 PROSEDUR MEMBINA PRODUK

2.1	Pengenalan	16
2.2	Mendapatkan dan Mengumpulkan Maklumat ataupun Data Berkaitan Muzik Pengiring Tari Tradisional Aceh Tari <i>Ranup Lam Puan</i> .	17
2.3	Mengklasifikasikan Maklumat Ataupun Data yang Diperoleh	21
2.4	Menetapkan Topik Berdasarkan Tema Atau Kategori.	21
2.5	Menulis Manuskrip dan Data Mengikut Kategori Atau Kandungan Topik yang Telah Ditetapkan	23
2.6	Menyunting Manuskrip dan Data Mengikuti Kategori Atau Kandungan Topik Yang Telah Ditetapkan	24
2.7	Kerangka Kerja Penghasilan Projek	25
2.8	Rumusan	26

BAB 3 HURAIAN PRODUK

3.1	Pengenalan	27
3.2	Bentuk dan Objektif Produk yang Dibangunkan	28
3.3	Isi Kandungan “Modul Panduan Memainkan Muzik Iringan Tari Tradisional Aceh Tari <i>Ranup Lam Puan</i> ”	29

3.4	Rumusan	44
-----	---------	----

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN PRODUK

4.1	Pengenalan	45
4.2	Latar Belakang Responden	46
4.3	Analisis Dapatan Temu Bual	48
4.4	Kesesuaian Permainan Muzik Iringan Tari <i>Ranup Lam Puan</i> Di Sekolah Menengah Atas (SMA)	53
4.5	Rumusan	55


BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	56
5.2	Ringkasan Produk	57
5.3	Fungsi-Fungsi Produk	58
5.4	Sasaran Pengguna	59
5.5	Kekuatan dan Kelemahan “Modul Panduan Memainkan Muzik Iringan Tari Tradisional Aceh <i>Tari Ranup Lam Puan</i> ”	60
5.6	Cadangan-Cadangan	63
5.7	Rumusan	63

	RUJUKAN	65
--	---------	----

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Isi kandungan Produk	31
Jadual 4.1	Latar Belakang Responden Pertama	46
Jadual 4.2	Latar Belakang Responden Kedua	47
Jadual 4.3	Latar Belakang Responden Ketiga	48



SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Model kerangka kerja menghasilkan projek	25
Rajah 3.1	Ukuran <i>Serunee Kale</i>	34
Rajah 3.2	Ukuran dan Bentuk <i>Rapa'I</i>	34
Rajah 3.3	Ukuran dan Bahagian <i>Geunderang</i>	35
Rajah 3.4	Posisi Tubuh Badan Ketika Bermain <i>Serunee Kale</i>	37
Rajah 3.5	Posisi Tubuh Badan Ketika Bermain <i>Rapa'I</i>	38
Rajah 3.6	Posisi Tubuh Badan Ketika Bermain <i>Geunderang</i>	39
Rajah 3.7	Pengenalan Kawasan Fungsi Nada pada Lubang <i>Serunee Kale</i>	41
Rajah 3.8	Penjarian dan Notasi <i>Rapa'I</i>	42
Rajah 3.9	Penjarian dan Notasi <i>Geunderang</i>	43

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kehadiran pendidikan seni dalam khazanah kurikulum di sekolah, diharapkan dapat memberikan sumbangan bagi mencapai peningkatan kualiti sumber daya manusia dalam menghadapi era globalisasi yang diiringi dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi (IPTEK) yang sangat pesat. Keupayaan peningkatan kualiti sumber daya manusia mutlak mendapat perhatian yang tinggi dan dirancang secara sistematik, teliti berdasarkan penemuan dan pemikiran yang cemerlang. Sarana yang tepat bagi keupayaan peningkatan kualiti sumber daya manusia ialah pendidikan.

Hal ini, sama ada secara rasmi ataupun tidak rasmi, proses pendidikan yang berlaku di pelbagai lokasi seperti sekolah, kolej, studio dan sebagainya berlangsung seumur hidup. Malah pada hakikatnya, proses pendidikan ini adalah merupakan satu usaha untuk membangunkan personaliti dan kemampuan yang baik sama ada di dalam mahupun di luar institusi pendidikan yang berlangsung seumur hidup. Pendidikan merupakan satu keperluan yang sangat penting kerana ianya adalah kepentingan asas manusia bagi melangsungkan kehidupan seharian.

Sistem pendidikan seni yang digunakan selama ini secara keseluruhannya merujuk kepada pendidikan seni Barat yang mendapat lebih perhatian umum berbanding muzik tradisional warisan budaya Indonesia. Parto (1996) menyatakan budaya muzik Indonesia, yang terdapat di seluruh Nusantara ialah kesenian muzik yang mentradisi dengan dinamik pengeluaran penciptaan yang relatif rendah, akrab dengan penambahbaikan, dan hampir keseluruhnya penanganannya secara amatistik (memerlukan kemahiran), kurang ketepatan dalam komposisi dan harga nota-notanya dalam teori. Perkara ini disokong pula dengan ketandusan tradisi lisan yang mempunyai pengkelasan etnik dan dirangka dengan menggunakan bahasa-bahasa daerah. Ianya tidak mengenal tradisi balas kerana ianya hanya digunakan untuk mencipta suasana-suasana dalam konteks kolektivisme, dan tidak menjadi saranan pendidikan umum demi mencapai ketepatan, imaginasi, kreativiti, dan kecerdasan.

Bagi mengukuhkan lagi budaya Indonesia moden yang kini sedang membangun, sumberdaya manusia perlu perluas perspektifnya untuk menerapkan tradisi muzik-muzik etnik nusantara dengan kombinasi (gabungan) muzik seni Eropah di lingkungan pendidikan bangsa dengan mengelakkan etnosentrisme. Tahap

kesedaran masyarakat terhadap tradisi muzik perlu dipertingkatkan lagi agar umum mengetahui bahawa penggunaan tradisi muzik nusantara sebagai pembelajaran seni tradisi di sekolah adalah suatu perkara yang sangat digalakkan

Tahap kesedaran mengenai pendidikan seni di Indonesia semakin meningkat dari masa ke semasa, malah menerima perhatian tinggi daripada kerajaan yang dan pihak masyarakat juga semakin ghairah akan kepentingan pendidikan seni tradisi yang berperanan sebagai pembentuk watak anak bangsa dan mencerminkan kemajuan pembangunan fizikal sesebuah negara tersebut. Pihak kerajaan dilihat banyak memberi penekanan terhadap kecerdasan emosional dan sosial sebagai sebahagian kriteria integral daripada keseluruhan kecerdasan yang harus dimiliki oleh seorang anak didik. Pendidikan seni kini tidak lagi terhad bagi anak didik di sekolah-sekolah seni sahaja tetapi telah diperluas lagi kepada semua jenis dan taraf pendidikan, bermula daripada pendidikan awal hingga menengah telah diwajibkan untuk didedahkan tentang pembelajaran seni budaya.

1.2 Latar Belakang Projek

Aceh merupakan salah satu negeri dari 34 negeri di Indonesia yang memiliki pelbagai ragam budaya dan kesenian daerah. Namun begitu, pendokumentasian dan penulisan mengenai pelestarian seni budaya Aceh adalah sangat sedikit dan hampir musnah jika tidak terus dikembangkan.

Salah satu kesenian yang sangat populer di dalam kalangan masyarakat Aceh ialah tarian *Ranup Lam Puan*. Tarian *Ranup Lam Puan* adalah merupakan satu tarian persembahan yang sering menjadi tarikan masyarakat Aceh yang ditarikan oleh segenap lapisan usia, iaitu anak-anak kecil hinggalah mahasiswa dalam pelbagai bidang. Berasal daripada perkataan *ranup* yang bererti sirih, manakala *lam puan* pula bermaksud dalam cerana/puan tempat mengisi sirih, menjadikan tarian *Ranup Lam Puan* sebagai tarian sirih dalam cerana/puan. Tarian ini berfungsi untuk memuliakan tetamu dan para jemputan dalam pelbagai acara.

Tarian *Ranup Lam Puan* telah menjadi tarian wajib bagi masyarakat Aceh dan boleh dilihat dimana sahaja. Tarian *Ranup Lam Puan* mula dipelajari dari peringkat sekolah rendah/dasar (SD) hingga Sekolah Menengah Atas (SMA). Tarian *Ranup Lam Puan* merupakan salah satu tarian tradisional Aceh yang telah dijadikan sebagai sebahagian daripada subtopik subjek kurikulum seni budaya 2013 bagi subjek tarian tradisional di Sekolah Menengah Pertama (SMP) hingga Sekolah Menengah Atas (SMA).

Tarian *Ranup Lam Puan* biasanya mempunyai tujuh orang penari perempuan dan diiringi oleh muzik iringan yang terdiri daripada sebuah alat muzik *Serunee Kale*, 3 buah alat muzik *Rapa'i* dan sebuah alat muzik *Geunderang*. Sebahagian besar tarian *Ranup Lam Puan* dipersembahkan dengan menggunakan muzik rakaman audio dalam bentuk kaset, CD atau flasdisk. Kadang-kala sahaja pemain muzik dari pelbagai sanggar-sanggar seni di Aceh akan memainkan muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan*. Ketandusan pemain muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan* secara langsung (*live*)

adalah disebabkan oleh kekurangan pemahaman dan kemampuan pemain muzik memainkan muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan* itu sendiri.

Para pelajar khususnya para pelajar di peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA) tidak mampu memainkan muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan* secara langsung kerana ketiadaan pembelajaran yang khusus. Kekangan utama dalam pembelajaran seni muzik iringan tarian ini adalah disebabkan oleh kurangnya kemampuan dan pemahaman guru seni budaya khususnya guru muzik dalam memainkan muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan*. Malah buku panduan khusus tentang cara memainkan muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan* juga tidak pernah ditulis. Bukan itu sahaja, pendokumentasian dalam bentuk video juga tiada. Perkara ini semakin memudaratkan isu iringan muzik tarian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kurikulum seni budaya 2013 tentang subjek tarian tradisional dan muzik tradisional, biasanya para pelajar diharuskan untuk menghasilkan sebuah persembahan tarian dan muzik di akhir pembelajaran mereka. Dengan ketiadaan buku panduan dan pembelajaran khusus tentang cara memainkan muzik iringan tarian *Ranup lam Puan* membuatkan para guru dan juga pelajar muzik mengalami masalah besar dalam mempersembahkan tarian *Ranup Lam Puan* yang diiringi oleh muzik secara langsung. Padahal di beberapa sekolah unggulan, para pelajar mempunyai kemampuan yang baik dalam memainkan muzik dan membaca notasi muzik.

Untuk mengatasi masalah tersebut maka penulis menghasilkan sebuah modul panduan memainkan muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan* yang boleh digunakan oleh guru muzik dan juga pelajar muzik di peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA) dan juga mahasiswa/wi muzik di Universiti. Modul ini juga dilengkapi dengan video petunjuk permainan alat muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan* yang terdiri dari alat muzik *Serunee Kale*, *Rapa'i* dan *Geunderang*. Ianya juga dilengkapi dengan video persembahan tarian *Ranup Lam Puan* dengan diiringi oleh muzik iringan tarian. Diharapkan modul ini akan dapat sedikit sebanyak membantu guru muzik dan pelajar muzik dalam mempelajari seni tradisional Aceh, khususnya iringan tarian *Ranup Lam Puan*.

Modul ini ialah salah satu kajian awal yang sebelum ini belum pernah dikaji oleh dalam subjek muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan*. Modul ini dirasakan sangat diperlukan dan sangat berguna bagi guru muzik, pelajar muzik dan peminat muzik untuk mempelajari muzik tradisional Aceh, khususnya muzik iringan tarian *Ranup Lam Puan*.

1.4 Tujuan Projek

1.4.1 Tujuan projek ini ialah:

- i. Membina dan melaksanakan modul pengajaran permainan secara berkumpulan oleh muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan* dalam pembelajaran seni dan budaya di Sekolah Menengah Atas (SMA).

- ii. Meninjau dan mendapatkan pandangan serta maklum balas tentang keberkesanan modul pengajaran permainan secara berkumpulan muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan* dalam pembelajaran seni dan budaya di sekolah.

1.4.2 Objektif Khusus

- i. Membolehkan para pelajar muzik, guru muzik, menggunakan modul pengajaran permainan berkumpulan muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan* dalam pembelajaran seni dan budaya di sekolah-sekolah amnya, khususnya Sekolah Menengah Atas (SMA).
- ii. Memberi kemahiran asas kepada para pelajar muzik dan guru muzik untuk menguasai kemahiran bermain muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan*. Di antara bentuk kemahiran asas yang dimaksud ialah dari segi posisi tubuh badan, cara memegang alat muzik, teknik menggunakan alat muzik, dan membaca nota lagu dalam bentuk skor lagu.
- iii. Menyediakan satu buku panduan bagi guru muzik, pelajar muzik dan instruktur untuk mengajar elemen irama tradisional Aceh melalui *Serunee Kale*, *Rapa'i*, dan *Geunderang* untuk guru muzik dan instruktur yang boleh diakses secara pembelajaran sendiri.
- iv. Menyediakan satu buku panduan bagi guru muzik di sekolah-sekolah, khususnya Sekolah Menengah Atas (SMA) untuk mengajar elemen muzik tradisional Aceh melalui *Serunee Kale*, *Rapa'i*, dan *Geunderang*

yang boleh diguna pakai oleh guru dan instruktur muzik sebagai bahan bantu mengajar mata pelajaran seni budaya.

- v. Meninjau maklum balas guru dan instruktur muzik terhadap buku panduan guru untuk mengajar elemen muzik tradisional Aceh melalui *Serunee Kale*, *Rapa'i*, dan *Geunderang*.

1.5 Kepentingan Projek

1.5.1 Sekolah Menengah Atas (SMA)

Hasil projek ini diharapkan dapat membantu dan menyediakan pilihan bahan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) yang sedang melaksanakan kurikulum pendidikan seni dan budaya tahun 2013. Dengan adanya bimbingan dari guru muzik, pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) dianggap boleh mempelajari modul ini kerana telah memiliki kemampuan asas dalam teori muzik yang telah dipelajari pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) ketika berada di bangku Sekolah Menengah Pertama (SMP).

1.5.2 Guru Muzik

Hasil projek ini dapat membantu guru muzik mempelajari pelbagai jenis muzik tradisional di dalam pengajaran dan pembelajaran dengan mengajar muzik Aceh dan tidak hanya bergantung kepada elemen muzik moden sahaja.

1.5.3 Warisan Budaya

Usaha pemuliharaan kesenian tradisional di Aceh yang dalam perkembangannya semakin menunjukkan kewujudan pengiktirafan kearah identiti muzik secara berkumpulan, dan tidak lain sebagai salah satu upaya untuk tetap menjaga kewujudannya agar tidak mendekati pintu kehancuran dan tetap ada sehingga bila-bila masa.

1.6 Batasan Projek

Projek ini dihadkan kepada tiga aspek utama iaitu kaedah pembinaan projek, teknik permainan *Serunee Kale*, *Rapa'i*, dan *Geunderang* dan latihan pembelajaran muzik tradisional Aceh melalui bentuk muzik berkumpulan. Pembinaan projek ditumpukan kepada ciri-ciri pembinaan projek yang berkesan untuk tujuan pembelajaran muzik tradisional melalui permainan bentuk berkumpulan muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan*.

Manakala isi kandungan pembelajaran permainan muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan* setakat ini belum lagi berjaya diolah dalam bentuk teks. Justeru teknik pengajaran dan pembelajaran muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan* diambil terus dari ahli perseorangan di dalam seni muzik Aceh yang aktif iaitu Fajar dan Taufik dari Banda Aceh. Selain sebagai pemain muzik tradisi, beliau juga merupakan

orang yang bertanggungjawab dalam pembuatan muzik tradisional Aceh. Selain itu para aktivis muda dari Studio *Geunaseh* Provinsi Aceh iaitu, Reza Fahlevi, Hasri Otami Putra, Fadhil Umam, dan M. Rizqi yang masih melanjutkan pelajarannya di Universiti, di mana mereka-mereka ini mahir dalam memainkan alat muzik tradisional Aceh, iaitu *Geunderang*, *Rapa'i*, dan *Serunee Kale*. Dalam memahirkan kebolehan memainkan alat muzik pengiring tarian *Ranup Lam Puan* lampiran CD audio disediakan beserta skor lagu menggunakan Sibelius 7 dan dipersembahkan melalui Microsof Word.

1.7 Definisi Istilah

Setiap istilah atau variabel yang digunakan dalam sebuah tulisan haruslah diberikan suatu penjelasan. Penjelasan ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang tajuk yang akan dibincangkan agar dapat memberi fokus kepada maksud modul yang memerlukan pemahaman lebih teliti. Defenisi operasi dalam modul ini ialah Panduan Memainkan Muzik Iringan Tarian Tradisional Aceh tarian *Ranup Lam Puan* di Banda Banda Aceh. Modul ini menggunakan beberapa istilah yang perlu dihuraikan maknanya.

1.7.1 Muzik

Dalam kamus muzik ialah seni pengungkapan gagasan melalui bunyi, yang unsur asasnya berupa melodi, irama, dan harmoni, dengan unsur sokongan iaitu bentuk

gagasan, sifat, dan warna bunyi. Namun dalam persembahannya, sering masih berpadu dengan unsur-unsur lain seperti bahasa, gerak, ataupun warna. Soeharto (1992).

Selanjutnya kata tradisional atau tradisi, merupakan istilah baru dalam perbendaharaan bahasa Indonesia. Ianya membawa maksud turun-temurun, pandangan kehidupan, kepercayaan, kesenian, tarian, dan muzik. Lebih khusus lagi, Sedyawati (1981) menghurai istilah tradisional sebagai sesuatu berupa kesenian dan oleh masyarakat itu telah diwariskan secara turun-temurun dari nenek moyang mereka dari masa terdahulu hingga sekarang, hidup dan berkembang dalam daerah tersebut, sesuai dengan kerangka dan pola kehidupan yang masih dilakukan secara berulang-ulang.

Berdasarkan pandangan diatas, muzik mengandungi sifat atau ciri khas dari masyarakatnya. Oleh itu, muzik tradisional dapat dikatakan sebagai muzik yang mempunyai liputan yang terhad pada budaya yang berkembang secara perlahan dan sesuai dengan dinamik masyarakatnya sebagai ekspresi jiwa dalam kaitannya dengan emosi manusia yang dicurahkan melalui bunyi, diwariskan secara turun temurun dan mempunyai ciri-ciri tertentu.

Dalam konteks projek ini, muzik membawa maksud bunyi yang dimainkan melalui permainan irama *Geunderang*, tiupan *Serunee Kale*, dan tabuhan *Rapa'i*, mengungkapkan gerak ekspresi sehingga mendorong pembawaan manusia untuk mendedahkan apa yang dirasakan, merupakan motif utama berkembang sebagai seni ekspresif yang kemudiannya berdiri sendiri. Tarian tanpa muzik sememangnya

mungkin, dan tarian akan diakui serta dialami sebagai seni berdiri sendiri. Tetapi disebabkan oleh adanya hubungan erat yang sangat rapat dan tersusun antara kedua seni tersebut, banyak sekali hasil yang akan diperoleh dari apa yang terhasil di atas hubungan ini dan membuka sumber-sumber muzik kepada penarinya.

Meri dalam Soedarsono (1975), menentang bentuk tari yang berlagak menyumpah iringan muzik. Tarian tanpa satu elemen muzik ialah tidak mungkin, kerana ritma ialah satu dari elemen muzik dan tiada gerak tanpa ritma. Menari atas sebuah gendering ialah muzik irama Menari atas kata yang diucapkan ialah muzik irama. Menari atas kesunyian ialah tari atas irama dari hati dan nafas. Tanpa irama alam semesta ini akan hancur, membiarkan sebuah komposisi kesepian sendiri.

1.7.2 Modul Pengajaran

Modul pengajaran bermaksud jenis pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi satu unit pelajar mengenai sesuatu tajuk tertentu dan disusun secara sistematik serta susunannya berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan berkesan.

1.7.3 Pembelajaran

Proses belajar akan berjalan dengan baik apabila kita mampu menggunakan maklumat verbal, kemahiran intelektual, pengetahuan, sikap, dan keterampilan dalam belajar

sehingga menghasilkan hasil pembelajaran yang baik. Belajar ialah suatu aktiviti yang dilakukan dengan melibatkan pemikiran serta perubahan secara nyata untuk mencapai hasil yang dimaksud.

Pembelajaran berhubung erat dengan belajar, dan mengajar. Belajar, mengajar, dan pembelajaran terjalin secara serentak. Dalam konteks ini modul dapat dijadikan sebagai wasilah kerana belajar dapat terjalin tanpa adanya guru dan tanpa kegiatan mengajar. Manakala mengajar pula meliputi segala hal yang dilakukan oleh guru di dalam bilik darjah.

Beberapa pendapat tentang teori dan pengertian pembelajaran. Usman (2000) mengemukakan bahawa pembelajaran merupakan proses yang mengandungi serangkaian perbuatan guru dan pelajar atas dasar hubungan timbal balik yang berlangsung dalam situasi edukatif untuk mencapai tujuan. Sedangkan menurut Sudjana (2005) pembelajaran ialah usaha mengorganisasikan lingkungan untuk menciptakan suasana pembelajaran bagi pelajar. Pengembangan pengetahuan baru, keterampilan, dan sikap memberikan proses pengalaman untuk mencapai tujuan tertentu.

Berdasarkan pendapat di atas jika dikaitkan dengan konteks projek modul dapat dikatakan bahawa pembelajaran ini ialah sebuah proses perubahan tingkah laku pada seseorang yang berdamak dari pengetahuan atau maklumat, pengalaman yang baru didapatkan dan akan menghasilkan pengalaman yang baru juga, serta dibentuk oleh sebuah sistem yang bertujuan membantu proses belajar pelajar yang berisi


serangkaian pelajaran yang telah dirancang sebelumnya, disusun sedemikian rupa untuk mempengaruhi dan menyokong terjadinya proses belajar pelajar.

Pada pelaksanaan proses pembelajaran seorang guru harus selalu memperhatikan keadaan pelajar. Proses pembelajaran terjadi apabila ada elemen-elemen sokongan pembelajaran diantaranya ialah (1) Kaki tangan pengajaran, dalam hal ini dapat berbentuk seperti Guru, pengajar, Syekh (Aceh), dalam erti orang yang berpengalaman dalam bidang pekerjaannya. (2) Pelajar, sebagai orang yang akan dididik atau seseorang yang akan diajarkan dengan siri proses dari pelbagai subjek bahan pelajaran. (3) Media, apabila media dijadikan sebagai sumber bahan pelajaran, maka secara luas media dapat diertikan dengan manusia, benda, ataupun sebuah peristiwa agar pelajar dapat memperoleh pengetahuan dan keterampilan. (4) Kaedah, kaedah ialah cara yang sebaik-baiknya dipergunakan dalam melakukan suatu pekerjaan bagi mencapai tujuan tertentu. (5) Penilaian, jika diertikan penilaian, maka merupakan suatu proses untuk menentukan perkhidmatan, nilai, atau manfaat aktiviti pembelajaran melalui kegiatan penilaian dan pengukuran.

1.8 Rumusan

Secara keseluruhan, bab pengenalan ini dapat menghuraikan latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, kepentingan projek, batasan projek, dan definisi istilah. Penghasilan projek ini akan dapat membantu mengurangkan masalah yang mungkin timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran muzik pengiring tarian tradisional *Ranup Lam Puan*, khususnya *Serunee Kale*, *Rapa'i*, dan *Geunderang*

kepada para pelajar, mahasiswa, dan masyarakat secara umum. Diharapkan juga penghasilan “Modul Pengajaran Panduan Memainkan Muzik Irian Tarian Tradisional Aceh Tari *Ranup Lam Puan*” ini boleh dijadikan panduan kepada para pendidik muzik yang ingin mengaplikasikan muzik berkumpulan tradisional di sekolah mereka masing-masing.



BAB 2

PROSEDUR MEMBINA PRODUK

2.1 Pengenalan

Pada perbincangan dalam bab ini, akan dihuraikan prosedur dalam membina produk “Modul Panduan Memainkan Muzik Iringan Tarian Tradisional Aceh Tarian *Ranup Lam Puan*”. Secara umumnya gerak kerja yang telah dilalui untuk membina projek ini dapat diketahui sebagai berikut.

1. Mendapatkan dan mengumpulkan maklumat ataupun data berkaitan muzik pengiring tarian tradisional tarian *Ranup Lam Puan*.
2. Mengklasifikasikan maklumat ataupun data yang diperoleh mengikut tema dan kategori.
3. Menetapkan topik berdasarkan tema atau kategori
4. Menulis maklumat dan data mengikut kategori atau kandungan unit yang telah ditetapkan.